

Russia dakwa pengaruh lebih positif

Dr Sergey Karaganov

S: AS dan Russia sebelum ini pernah terjebak dalam kancak perang dingin untuk satu tempoh yang agak panjang. Sejurus memenangi Pilihan Raya Presiden AS, Donald Trump meluahkan hasrat untuk memperbaiki hubungan itu, namun ia nampaknya seakan tidak menjadi kenyataan susulan kontroversi campur tangan Russia dalam pengundian. Bagaimana hubungan antara Washington dan Moscow ketika ini?

☞ Seperti yang anda ketahui, AS ketika ini berada dalam fasa penyesuaian diri yang agak sukar. 50 tahun lalu, mereka percaya telah menguasai sebahagian besar dunia tetapi secara tiba-tiba, semuanya runtuh. Kini ada jurang besar yang membahagikan kelompok elit di negara itu dan masing-masing cuba mencari semula peranan mereka di dunia ini.

Separang tempoh itu, pelbagai kesalahan dilakukan contohnya menyerang Iraq, tetapi ia tidak membawa manfaat. Mereka cuba menguasai Afghanistan, tetapi usaha itu juga gagal. Jadi sekarang, mereka cuba berdamai semula dengan realiti dan seperti dijangka, proses itu sesuatu yang amat sukar dizahirkan.

Apa yang tidak disangka-sangka, dalam melalui proses pemulihan itu, mereka mengadakan pilihan raya dan rakyatnya mengundi untuk memilih seorang presiden yang sangat 'luar biasa' yang kita kenal sebagai Donald Trump. Presiden ini pula entah atas dasar apa, mengambil pendakian yang jelas lari daripada norma pemimpin sebelum ini (Obama). Pemimpin AS terdahulu itu kini memutuskan untuk memberi pengajaran kepada Trump, juga menervisi kaedah yang luar biasa.

Pada masa sama, Russia dituduh pula mempengaruhi keputusan Pilihan Raya Presiden AS untuk membuat Trump muncul sebagai pemenang. Jika benarlah ini keadaan sebenar, saya amat gembira tetapi realitinya, kita perlu bersikap jujur dan mengakui bahawa penggodam Russia menyebabkan keadaan ini berlaku. Kami akan berasa amat gembira jika ia adalah situasi sebenar kerana AS perlu diajar untuk tidak mencampuri hak ehwal dalaman negara lain. Tapi saya mengesyaki pengaruh kami lebih 'baik' daripada itu. Dengan tiba-tiba, Russia muncul sebagai isu utama dalam politik AS.

S: Berdasarkan jawapan anda sebentar tadi, apakah kaedah yang anda rasa wajar atau perlu diguna pakai bagi menyelesaikan konflik di Syria memandangkan kedua-dua negara turut terbabat di sana?



Dari kiri, Carafano, Pengerusi dan Ketua Eksekutif Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa Malaysia (ISIS), Tan Sri Rastam Mohd Isa; Presiden Institut Jepun Bagi Hal Ehwal Antarabangsa, Yoshiyuki Nogami dan Dr Sergey Karaganov, pada sidang APR 31, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

☞ Saya melihat pembabitkan kami di Syria membuahkan hasil yang sangat cemerlang walaupun berdepan banyak kesulitan. Jika Russia tidak mengambil keputusan untuk membantu Syria sekitar dua atau dua setengah tahun lalu, saya pasti Syria akan dikuasai sepenuhnya oleh militan Daesh. Ia sememangnya berpotensi untuk berlaku dan kita akan memiliki sebuah negara di dunia yang dikuasai sepenuhnya oleh penganas barbar.

Tapi kita berjaya mengelakkan perkara ini berlaku dan kami juga berjaya mengelakkan rejim pemerintahan bertukar tangan. Namun nampaknya ada negara cuba membuat perubahan di semua pelusuk dunia; Iraq, Libya, malah di kawasan anda sendiri. Kami menghentikan campur tangan mereka secara paksa di Russia dan untuk jangka masa panjang, saya percaya dunia akan menjadi lebih baik, tetapi untuk mencapai hasrat itu, kita perlu menunggu rakan dari Barat menyesuaikan diri dengan realiti yang tidak lagi membenarkan mereka campur tangan di mana-mana.

S: Bantau Asia Pasifik dilihat lebih 'bersahabat' dengan AS berbanding Russia. Bagaimana anda melihat kedudukan Russia dalam aspek perdagangan di Asia Pasifik?

☞ Hanya tiga tahun lalu kami mula mengambil bahagian lebih aktif di Asia Pasifik dan mencatatkan pertumbuhan yang amat pesat. Pada lima tahun lalu, kami hanya memiliki sekitar 56 peratus dalam urusan niaga perdagangan asing bersama Eropah. Kami kini berusaha mewujudkan zon dagangan bebas bersama kebanyakan negara Asia. Kami memiliki hubungan baik bersama China dan

sedang memperbaiki hubungan bersama Jepun. Kami adalah negara yang memiliki hubungan baik dengan semua negara lain.

S: Berdasarkan jawapan itu, apakah anda melihat isu Daesh sebagai objek yang menyatukan semua negara atau pemangkin kepada kesepakatan semua pihak?

☞ Saya berpendapat ia masih belum berjaya sepenuhnya kerana unsur negatif yang datang dari AS yang meletakkan semua negara dalam keadaan yang sukar. Mereka (AS) pula enggan mengakui hakikat itu dan cuba mengembalikan semula kedudukan dan pengaruh mereka yang semakin hilang di kalangan masyarakat antarabangsa.

S: Jika anda memiliki kuasa untuk meramal, apakah rama-

lan anda terhadap perkembangan seterusnya dalam semua konflik yang berlaku untuk tempoh lima tahun akan datang?

☞ Konflik AS, Russia ini sudah berlarutan begitu lama dan ia mungkin diburukkan lagi dengan perubahan kuasa di beberapa negara dunia serta pelbagai faktor lain. Merujuk kepada konflik di Syria pula, saya melihat ia hampir berjaya diselesaikan tetapi masih banyak perkara yang perlu diberi perhatian. Walaupun masalah di Syria tidak dapat diselesaikan dengan pembentukan Syria yang baru atau sekurang-kurangnya sebuah persekutuan. Saya tidak fikir Syria boleh dibina semula. Russia sudah berkhiat menyatukan Syria secara keseluruhan, namun apa yang menyedihkan ialah, waktu sudah berlalu untuk Syria kembali seperti asal.



Merujuk kepada konflik di Syria pula, saya melihat ia hampir berjaya diselesaikan tetapi masih banyak perkara yang perlu diberi perhatian"

Sergey Karaganov, Dekan Fakulti Ekonomi Dunia dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Penyelidikan Kebangsaan Russia

